

## ABSTRAK

Kajian ini cuba meninjau tahap kebolehan pelajar tingkatan enam rendah di Sekolah Tinggi Melaka dalam penulisan karangan jenis perbincangan. Tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan ini ditinjau dari tiga aspek, iaitu kebolehan secara keseluruhan, kebolehan dari segi penyampaian isi dan kebolehan dari segi penguasaan bahasa. Selain itu, perbandingan tahap kebolehan penulisan karangan antara Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dengan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) juga diteliti dari segi kebolehan secara keseluruhan, kebolehan dari segi penyampaian isi dan kebolehan dari segi penguasaan bahasa. Di samping itu, kajian ini juga meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan tersebut dan faktor-faktor yang menyebabkannya.

Sampel kajian ini terdiri daripada 40 orang pelajar tingkatan enam rendah, iaitu 20 orang pelajar Melayu dan 20 orang pelajar bukan Melayu. Tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan jenis perbincangan adalah berdasarkan ujian menulis karangan yang diberikan. Masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan dan faktor yang menyebabkannya pula didapati daripada Borang Soal Selidik Pelajar, Borang Prestasi Pelajar, Temubual Berstruktur Dengan Pemeriksa dan Temubual Berstruktur Dengan Pelajar Yang Lemah. Dapatan daripada kajian ini adalah seperti berikut :

1. Kebolehan pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan jenis perbincangan adalah pada tahap sederhana dalam ketiga-tiga aspek kebolehan, iaitu kebolehan secara keseluruhan, kebolehan dari segi penyampaian isi dan kebolehan dari segi penguasaan bahasa.
2. Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) menunjukkan tahap kebolehan yang sedikit lebih baik jika dibandingkan dengan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dari segi markah purata secara keseluruhan dalam ketiga-tiga aspek kebolehan di atas. Namun begitu, perbezaan tahap kebolehan di antara kedua-dua kumpulan ini adalah tidak signifikan kerana perbezaan markah purata yang terlalu kecil, iaitu tidak melebihi 0.6. Tambahan pula, markah purata untuk kedua-dua kumpulan ini masih berada pada tahap berkebolehan sederhana yang sama atau Gred C.
3. Secara keseluruhannya, didapati pelajar menghadapi tiga masalah utama dalam penulisan karangan jenis perbincangan, iaitu masalah dari segi penyampaian isi, masalah penguasaan bahasa dan masalah perancangan.
4. Didapati terdapat gabungan antara empat faktor yang menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam penulisan karangan. Keempat-empat faktor itu ialah faktor sikap negatif pelajar, faktor kemahiran pelajar, faktor psikologi pelajar dan faktor guru.

Dapatan kajian ini mungkin bermanfaat bagi para pelajar, ibu bapa, guru, pihak sekolah, pihak perancang dan pembuat dasar pendidikan untuk sama-sama mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam penulisan karangan. Maka, diharapkan kajian lanjut dapat dibuat untuk menyelami masalah dan faktor yang menyebabkan pelajar tidak berupaya menghasilkan karangan yang baik.

## ABSTRACT

This study attempts to investigate the ability of Lower Sixth students of Malacca High School, Malacca in writing a discussive type of essay. Students' writing ability was investigated from three aspects. They were, ability in general, ability in presenting the facts and the mastery of language. In addition, comparison of ability on the above mentioned aspects was done between two groups of students: Malays and Non-Malays. The problems faced by these students and those factors contributing to their problems were also investigated.

Forty Lower Sixth students were randomly chosen to be the samples of this study. They were made up of twenty Malay and twenty Non-Malay students. Their ability in writing a discussive type of essay was measured by means of a written test. Information regarding the problems faced by them and factors contributing to those problems were collected through the use of instruments like the Student's Questionnaire, Performance Form and Structured Interview Schedules for both the examiners and the weak students. The findings obtained were as follows:

1. Lower sixth students' ability in producing discussive type of essay was found to be average on three aspects : the overall aspect, presentation of facts and mastery of language.

2. As a whole, the non-Malay group showed a slightly higher ability compared to the Malay group based on the mean score. This applied to all three mentioned aspects investigated. However, the difference in means between these two groups were not significant based on the t-test result. This may be due to the difference in means that was too small, which was less than 0.6. Furthermore, the means of these two groups were grouped in the same category of ability, that is the average group (Grade C).
3. Overall, it was found that students faced three main problems : presentation of facts, mastery of language and difficulty in planning.
4. This study also found that there were four combining factors which contributed to students' difficulty in writing a discussive type of essay. These four factors consisted of their own negative attitudes, their inability to master the skill of writing, psychological factor and teacher factors.

The result of this study may be of use to students, parents, teachers, schools and those involved in planning and formulating educational policies so that weaknesses in writing a discussive type of essay would be improved further. As such, it is suggested that further research be done in the same field especially on problems and factors faced by Sixth Form students in producing a good discussive type of essay.